

**MALAYSIA DAN ISU PENGANIAYAAN ETNIK
MINORITI ROHINGYA**

FIANLY MASUIE



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021/2022**

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Malaysia Dan Isu Penganiayaan Etnik Minoriti Rohingya ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

TARIKH

12 OGOS 2022

fianly
.....

FIANLY MASUIE

BA19110212



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **FIANLY MASUIE**
NO MATRIK : **BA19110212**
TAJUK : **MALAYSIA DAN ISU PENGANIAYAAN
ETNIK MINORITI ROHINGYA**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG
HUBUNGAN ANTARABANGSA**



TANDATANGAN

PENYELIA



DIANA PETERS
Profesor/Program Penyelidikan PLUMS
Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi
Universiti Malaysia Sabah

MADAM DIANA PETERS

DISAHKAN OLEH:

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TARIKH

12 OGOS 2022

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan Yang Maha Pengasih, lagi Maha penyayang

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Madam Diana Peters yang banyak membantu penulis untuk memberikan pandangan, cadangan, dan kritikan dalam menyiapkan penulisan ini. Tanpa bimbingan beliau, tidak mungkin penulis dapat mengutarakan idea-idea dalam penulisan ini. Semoga ilmu yang diberi, dihalalkan dunia dan akhirat. Penulis juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Program dan pensyarah Hubungan Antarabangsa yang pernah memberi tunjuk ajar dengan penuh sabar dan berdedikasi sehingga membolehkan penulis menggunakan kesemua ilmu yang diperolehi dalam menyiapkan penulisan ini hingga berjaya.

Selain itu, penghargaan ini juga saya titipkan kepada kedua ibubapa saya kerana sentiasa memberikan semangat serta dorongan, menjaga kebajikan, dan selalu mendoakan agar segala urusan saya berjalan lancar dan dipermudahkan sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan kepada saya dan juga sahabat handai yang tidak jemu mendorong saya untuk melakukan yang terbaik. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat seperjuangan saya iaitu Pravin A/ L Ramakrishnan dan Roweel Rios Lazamin kerana telah banyak menyumbang idea serta sokongan moral yang tanpa henti diberikan ketika saya sedang bertungkus-lumus menyiapkan latihan ilmiah ini.

Fianly Masuie

BA19110212

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai Malaysia dan isu penganiayaan etnik minoriti Rohingya. Sejak akhir tahun 1980-an gelombang penghijrahan etnik minoriti Rohingya ke negara Malaysia menjadi isu hangat sehingga kini. Penghijrahan secara besar-besaran golongan ini ke negara jiran termasuk Malaysia dipengaruhi oleh sistem perlembagaan Myanmar yang sering berubah-ubah sehingga pelanggaran-pelanggaran hak asasi manusia terus menghantui etnik minoriti Rohingya. Kebanjiran pelarian etnik minoriti Rohingya di Malaysia memberikan kesan yang mendalam kepada negara untuk mengurus golongan ini, yang mana ianya melibatkan kos perbelanjaan pengurusan yang melambung tinggi. Selain itu, adalah mustahil bagi negara Malaysia sebagai negara ketiga untuk terus-menerus menerima pelarian Rohingya dalam negara dan perlunya isu Rohingya ini diberikan perhatian yang lebih serius agar golongan ini tidak lagi membanjiri negara jiran serta dapat menjalani hidup yang lebih tenteram di negaranya iaitu Myanmar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjayakan penulisan ini. Oleh itu, hasil kajian mengetengahkan punca-punca pelarian etnik minoriti Rohingya ke Malaysia. Selain itu, menghurai cabaran-cabaran komuniti etnik Rohingya yang ada di Malaysia seterusnya menyatakan usaha-usaha Malaysia untuk menampung kehadiran Rohingya di dalam negara. Malaysia lebih tegas di peringkat organisasi antarabangsa untuk mengesa pihak yang bertanggungjawab seperti PBB, ASEAN dan OIC dalam mencari alternatif efektif untuk menyelesaikan isu pelarian Rohingya. Pelarian Rohingya di Malaysia hanya bergantung kepada peranan UNHCR Malaysia untuk terus hidup dan juga NGO-NGO yang berkaitan dengan kerajaan Malaysia serta khidmat bantuan kemanusiaan daripada masyarakat Malaysia. Malaysia juga menggunakan hubungan bilateral dengan Myanmar untuk menyelesaikan isu Rohingya. Isu pelarian Rohingya akan menemui jalan penyelesaian sekiranya kerajaan Myanmar memberikan kerakyatan kepada kaum minoriti Rohingya di dalam negaranya.

Kata kunci: Isu pelarian Rohingya, hak asasi manusia, peranan Malaysia dalam organisasi antarabangsa (ASEAN, PBB, OIC), peranan UNHCR, hubungan bilateral Malaysia-Myanmar.

ABSTRACT

This study discusses Malaysia and the issue of persecution of the Rohingya ethnic minority. Since the late 1980s, the wave of migration of the Rohingya ethnic minority to Malaysia has been a hot issue until now. The large-scale migration of this group to neighbouring countries, including Malaysia, is influenced by Myanmar's constitutional system, which often changes so that human rights violations continue to haunt the Rohingya ethnic minority. The influx of Rohingya ethnic minority refugees in Malaysia has a profound effect on the country's ability to manage this group, which involves soaring management expenses. In addition, it is impossible for Malaysia, as a third country, to continue to accept Rohingya refugees in the country, and the need for this Rohingya issue to be given more serious attention so that this group no longer floods neighbouring countries but can live a more peaceful life in their own country, Myanmar. This study uses a qualitative approach to make this writing a success. Therefore, the results of the study highlight the causes of the Rohingya ethnic minority fleeing to Malaysia. In addition, describe the challenges of the Rohingya ethnic community in Malaysia and further state Malaysia's efforts to accommodate the Rohingya presence in the country. Malaysia is more assertive at the level of international organizations to urge responsible parties such as the UN, ASEAN and OIC to find effective alternatives to resolve the Rohingya refugee issue. Rohingya refugees in Malaysia only depend on the role of UNHCR Malaysia to survive, and also on NGOs related to the Malaysian government as well as humanitarian aid services from the Malaysian community. Malaysia also uses bilateral relations with Myanmar to resolve the Rohingya issue. The Rohingya refugee issue will find a solution if the Myanmar government grants citizenship to the Rohingya minority in its country.

Keywords: *Rohingya refugee issue, human rights, Malaysia's role in international organizations (ASEAN, UN, OIC), UNHCR's role, Malaysia-Myanmar bilateral relations.*

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN PELAJAR	i
PENGESAHAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ISI KANDUNGAN.....	vi
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
BAB 1:.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian.....	4
1. Apakah punca-punca yang membawa pelarian etnik minoriti Rohingya ini datang ke negara Malaysia?.....	4
2. Apakah cabaran-cabaran pelarian etnik Rohingya yang ada di negara Malaysia?	4
3. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menampung kehadiran etnik minoriti Rohingya di Malaysia?	4
1.4 Objektif Kajian	4
1. Mengenal pasti punca-punca yang membawa pelarian etnik minoriti Rohingya ini datang ke negara Malaysia.....	4
2. Mengenal pasti cabaran-cabaran pelarian etnik Rohingya yang ada di negara Malaysia.....	4
3. Menganalisis usaha penyelesaian yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menampung kehadiran etnik minoriti Rohingya di Malaysia.	4
1.5 Sorotan Literatur	4
1.6 Skop Kajian.....	9
1.7 Teori dan Konsep	9
1.8 Metodologi Kajian.....	10
Data Sekunder.....	10
1.9 Kepentingan Kajian.....	11
1.10 Pembahagian Bab.....	12
Bab 1: Pengenalan.....	12

Bab 2: Punca-Punca Yang Membawa Pelarian Etnik Minoriti Rohingya Ini Datang Ke Negara Malaysia.	12
Bab 4: Usaha Penyelesaian Yang Dilakukan Oleh Kerajaan Malaysia Untuk Menampung Kehadiran Etnik Minoriti Rohingya Di Malaysia.	12
Bab 5: Kesimpulan	13
Kesimpulan.....	13
BAB 2: Punca-Punca Yang Membawa Pelarian Etnik Minoriti Rohingya Datang Ke Negara Malaysia	14
2.1 Pengenalan.....	14
Gambar 1: Perkampungan yang Dimusnahkan di Rakhine	16
Gambar 2: Bot Dipenuhi Pelarian Rohingya di Kawasan Perairan Indonesia... ..	17
2.2 Diskriminasi Etnik Rohingya Secara Sistematis Tercetus Pelanggaran Hak Asasi Manusia di Myanmar Sehingga Menjadi Pelarian di Negara Malaysia.....	18
Jadual 1: Perjanjian disahkan, perjanjian ditandatangani tetapi tidak disahkan dan tidak ditandatangani atau disahkan oleh Burma berkaitan kepada aktiviti AAPP	19
2.3 Faktor yang Mempengaruhi Diaspora Pelarian Rohingya	28
Gambar 3: Peta Migrasi Rohingya.....	28
2.3.1 Faktor Perlembagaan.....	28
2.3.2 Penafian Hak.....	30
2.3.3 Diskriminasi Agama	30
2.3.4 Operasi Ketenteraan	31
Jadual 2: Operasi-operasi Ketenteraan Myanmar Selepas Kemerdekaan Burma	33
2.4 Kemunculan Pelarian Etnik Rohingya di Negara Malaysia.....	36
Jadual 3: Anggaran Jumlah Golongan Rohingya di Negara Malaysia	37
Kesimpulan.....	42
BAB 3: Cabaran-cabaran Pelarian Etnik Rohingya yang Ada di Negara Malaysia.....	43
3.1 Pengenalan	43
3.2 Cabaran Golongan Rohingya dari Segi Kemiskinan, Pengangguran dan Jaminan Pekerjaan	46
3.2.1 Kemiskinan Rohingya	46
3.2.2 Kehidupan Rohingya Sebagai Penganggur	47
3.2.3 Cabaran Rohingya dalam Jaminan Pekerjaan	48
3.3 Cabaran Rohingya dalam Mendapatkan Rawatan Perubatan	49
3.4 Cabaran Pelarian Rohingya dalam Pendidikan.....	52

3.4.1 Pendidikan Tidak Formal yang Diperolehi Oleh Pelarian Rohingya di Malaysia.....	53
3.5 Cabaran Pelarian Rohingya dalam Memperoleh Sijil Kelahiran dan Keselamatan	56
3.5.1 Sijil Kelahiran	56
3.5.2 Isu Keselamatan Rohingya di Malaysia.....	58
Kesimpulan.....	61
BAB 4: Usaha Penyelesaian Yang Dilakukan Oleh Kerajaan Malaysia Untuk Menampung Kehadiran Etnik Minoriti Rohingya di Malaysia	62
4.1 Pendahuluan	62
4.2 Usaha Malaysia Terhadap Pelarian Etnik Rohingya dalam Negara.....	65
4.2.1 Peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) Rohingya di Malaysia.....	67
4.2.2 Usaha Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Masyarakat Tempatan Terhadap Pelarian Rohingya	70
4.3 Usaha Negara Malaysia di Peringkat Antarabangsa	72
4.3.1 Usaha Malaysia dan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)...	72
4.3.2 Usaha Malaysia dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)	73
4.3.3 Usaha Malaysia dan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Terhadap Rohingya.....	75
4.3.4 Hubungan Bilateral Malaysia dan Myanmar Dalam Menangani Masalah Rohingya.....	76
Kesimpulan.....	78
BAB 5: Kesimpulan	80
5.1 Kesimpulan	80
RUJUKAN	88
LAMPIRAN A	100
LAMPIRAN B	101

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 1:	Perjanjian disahkan, perjanjian ditandatangani tetapi tidak disahkan dan tidak ditandatangani atau disahkan oleh Burma berkaitan kepada aktiviti AAPP	19
Jadual 2:	Operasi-operasi Ketenteraan Myanmar Selepas Kemerdekaan Burma	32
Jadual 3:	Anggaran Jumlah Golongan Rohingya di Negara Malaysia	37



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	HALAMAN
Gambar 1: Perkampungan yang Dimusnahkan di Rakhine	16
Gambar 2: Bot Dipenuhi Pelarian Rohingya di Kawasan Perairan Indonesia	17
Gambar 3: Peta Migrasi Rohingya	28



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

HALAMAN

LAMPIRAN A

Foto 1.1: 200 000 pelarian minority Rohingya mendarat di Malaysia	100
Foto 1.2: Usaha UNHCR untuk mendaftarkan pelarian-pelarian Rohingya	100

LAMPIRAN B

Foto 2.1: Usaha mantan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memperjuangkan isu Rohingya di pentas antarabangsa	101
Foto 2.2: Malaysia melaksanakan mesyuarat tergepar bersama menteri-menteri luar OIC berkenaan keadaan minoriti Islam Rohingya.	101



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
IC	Identity Card
IDP	Internally Displaced Persons Camp
IMARET	Islamic Medical Association of Malaysia Response and Relief Team
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
MRA	Malaysian Relief Agency
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NLD	National League for Democracy
NTF	National Task Force
OIC	Organization of Islamic Conference
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PTI	Pendatang Tanpa Izin
PLKS	Permohonan Lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
REMEDI	Refugee Medical Insurance
SLORC	State Law and Order Restoration Council
UNHCR	United Nations High Commissioner for Refugees
UDHR	Deklarasi Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
USCR	US Committee for Refugees

BAB 1:

1.1 Latar Belakang Kajian

Rohingya merupakan kumpulan etnik Islam yang menetap di bandar Buthidaung dan Maungdaw di barat laut Negeri Arakan, Myanmar. Etnik ini tinggal bersama-sama dengan orang Arakan yang beragama Buddha dan orang Burma. Jumlah populasi sebenar etnik Rohingya tidak diketahui disebabkan ketiadaan bancian yang tepat bagi etnik ini. Kumpulan ini mendakwa jumlah mereka sekitar 1 hingga 2 juta termasuklah golongan mereka yang tinggal dalam buangan (Smith, 1991).

Menurut analisis daripada seorang tokoh Inggeris Francis Buchanan-Hamilton, beliau menyatakan bahawa adanya masyarakat muslim di Arakan sekitar abad ke-18. Golongan ini menyebut identiti mereka sebagai "Rooinga". Selain itu, ada juga yang menyatakan bahawa istilah ini berasal dari kata "*rahma*" (rahmat) dalam Bahasa Arab atau "*rogha*" (perdamaian) dalam Bahasa Pashtun. Di samping itu, etnik Rohingya merupakan golongan migran yang berasal dari Bangladesh. Sehubungan dengan itu, mereka ini sudah ratusan tahun tinggal di Arakan, Rakhine (Myanmar). Ekoran daripada itu, sebagai golongan yang sudah menetap lama di sesebuah wilayah terutama golongan Rohingya, tentunya mendapat kelayakan yang sepatutnya menjadi hak-hak dasar mereka, khususnya status mendapat kewarganegaraan (Tri Joko, 2013).

Menurut Abu Talib Ahmad (2008) penggunaan istilah "Rohingya" seolah-olah suatu yang baru iaitu sekitar awal 1950-an, dapat dijustifikasikan bahawa umat Islam di Arakan mempunyai sejarah yang panjang, iaitu sejak awal dinasti Mrauk-U (1430-1785) dari kerajaan Arakan. Selain itu, ianya juga dikatakan bahawa golongan ini sudah menetap di sana sebelum kemunculan kerajaan tersebut. Namun, sejak Arakan dan Tenasserim diduduki oleh kekuatan British dan tamatnya Perang British-Burma Pertama selama dua tahun (1824-1826), tercetus konflik yang tegang antara penduduk Islam yang tinggal di bahagian barat laut Arakan dan penganut Buddha sebagai penduduk majoriti yang mendiami kawasan tengah dan selatan Arakan. Selain itu, proses imigrasi skala besar orang India yang menjadi dasar utama semasa era British. Tambahan pula, imigran yang datang ke Arakan ini termasuklah orang-orang Islam yang datang dari Chittagong. Mereka ini lebih dikenali sebagai

"Chittagonians" atau "Mohamedan" oleh pegawai British (Ramli, Wan dan Rizal, 2019).

Justeru, konflik ini menjadi semakin kronik semasa pendudukan Jepun (1942-1945) di negara terbabit, di mana tentera-tentera Jepun bertindak dalam membekalkan senjata kepada orang Arakan yang beragama Buddha dalam berjuang menentang British. Manakala, pihak British pula menggunakan tentera yang beragama Islam untuk melakukan serangan balas kepada pihak Jepun. Dalam hal ini, situasi telah mencetuskan suatu pertempuran antara penduduk beragama Islam-Buddha yang serius hingga kedua-duanya mencapai persengketaan yang serius. Kesemua usaha dalam mendamaikan keadaan antara Islam-Buddha menjadi sia-sia selepas berlakunya rampasan kuasa oleh Jeneral Tentera U Ne Win, pada tahun 1962. Selain itu, di bawah pentadbirannya, Burma (Myanmar) berubah kepada sebuah kerajaan sosialis berpusat yang kuat di bawah kawalan monopoli pihak tentera (Yegar, 1972; Fink, 2001).

Nama rasmi bagi kerajaan tentera Burma (Myanmar) ialah *State Peace and Development Council* (SPDC), yang mengiktiraf 135 kumpulan etnik bagi warganegara Burma (Akm Ahsan Ullah, 2011). Tetapi dari 135 kumpulan etnik ini Rohingya telah dikecualikan. Malah, golongan ini dianggap pendatang tanpa izin yang menetap di Kawasan Myanmar sewaktu pemerintahan British. Di samping itu, rejim Ne Win melucutkan kewarganegaraan golongan Rohingya dan menjadikan mereka warga asing dengan terus menggubal Akta Imigresen Kecemasan 1974. Bahkan, Undang-undang Kewarganegaraan Burma 1982 dikuatkuasakan yang mana ianya membezakan kerakyatan di antara tiga kategori (Abdur Razzaq dan Haque Mahfuzul, 1995 dalam Ramli, Wan dan Rizal, 2019).

Hakikatnya, penggubalan Undang-undang Kewarganegaraan 1982 sememangnya memberikan kesan yang mendalam kepada kehidupan penduduk Rohingya. Majoriti golongan Rohingya sudah tidak mempunyai kerakyatan di Myanmar dan kini menjadi individu tanpa negara. Bermaksud, mereka menerima sebarang perlindungan daripada negara dan menjadi mangsa kepada diskriminasi sistematik yang mendapat *endosmen* daripada kerajaan menerusi dasar dan amalan yang melanggar hak asasi manusia serta kebebasan asasi. Segala sekatan yang tidak berperikemanusiaan seperti sekatan ke atas pergerakan, buruh paksa, rampasan harta, pengusiran paksa dan kemusnahan rumah, sekatan perkahwinan, pekerjaan, penjagaan kesihatan dan pendidikan dirasai oleh golongan ini (Zawacki, 2013).

Kesan daripada undang-undang yang digubal oleh rejim Myanmar, disusuli pula dengan operasi "Pembersihan Etnik" secara besar-besaran yang dinamakan Naga Min atau Raja Naga pada tahun 1977 telah memaksa orang Rohingya menjadi pelarian dan mereka secara beramai-ramai meninggalkan kampung halaman mereka. Anggaran jumlah orang Rohingya yang berhijrah ialah seramai 200,000 orang yang lari ke Bangladesh pada tahun 1978. Malangnya, penghijrahan mereka ini tidak diterima sehingga dipaksa pulang semula ke tempat asal mereka melalui perjanjian dua hala antara kerajaan Bangladesh dengan junta Myanmar (Intan Suria et al, 2016).

Dipercayai bahawa lebih ramai golongan Rohingya yang tinggal di luar Myanmar berbanding 800,000 yang hidup dalam negara Myanmar. Seterusnya, mereka mewujudkan satu keadaan diaspora melalui dua setengah dekad atas tindakan pengusiran dan pembuangan oleh autoriti kerajaan negeri serta keganasan komunal yang dibantu oleh polisi kerajaan. Sehubungan itu, mereka ini bukan hanya sekadar pelarian tetapi mereka juga diertikan orang tanpa kerakyatan yang duduk di luar wilayah tradisi mereka. Arab Saudi menjadi tuan rumah kepada 500,000 Rohingya (Sheikh, 2013).

Sebilangan besar pelarian Rohingya berada di Bangladesh, sama ada diiktiraf atau tidak golongan ini lebih kurang 29,000 yang tinggal secara rasmi di kebanyakan kem, manakala 200,000 lagi tinggal dalam penempatan sementara atau di tengah-tengah populasi tempatan di sempadan. Di samping itu, golongan lain Rohingya yang lebih kecil tinggal di Malaysia, Thailand, Indonesia dan India (Ramli, Wan dan Rizal, 2019).

1.2 Permasalahan Kajian

Pengiktirafan dan penggubalan *State Peace and Development Council* (SPDC) dan Akta Imigresen Kecemasan 1974 serta penguatkuasaan Undang-undang Kewarganegaraan Burma 1982 menjadikan etnik minoriti Rohingya di Arakan, Rakhine (Myanmar) tidak mendapat sebarang hak-hak dasar yang sepatutnya menjadi hak mereka walaupun, etnik ini sudah menetap cukup lama di negara itu. Realitinya, isu ini tercetus disebabkan oleh diskriminasi sistematik yang dipaparkan oleh pemerintah Burma (Myanmar) sendiri yang tidak mengakui kedudukan populasi

golongan Rohingya yang tinggal di tempat itu bersama-sama dengan etnik yang lain di negara itu. Hal ini menjadikan golongan minoriti ini menjadi orang tanpa kerakyatan yang duduk di luar wilayah tradisi mereka sehingga sebilangan besar daripada mereka hidup dalam diaspora dengan membanjiri negara jiran termasuklah negara Malaysia atas harapan dapat mengubah nasib kehidupan mereka di tempat yang baharu. Isu ini sudah terbentang luas di tahap global yang menimbulkan isu dan kesan langsung kepada negara penerima bahkan hal ini amat memerlukan usaha penyelesaian yang kreatif lagi efektif, maka satu kajian perlu dilakukan bagi etnik Rohingya ini.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah punca-punca yang membawa pelarian etnik minoriti Rohingya ini datang ke negara Malaysia?
2. Apakah cabaran-cabaran pelarian etnik Rohingya yang ada di negara Malaysia?
3. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menampung kehadiran etnik minoriti Rohingya di Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti punca-punca yang membawa pelarian etnik minoriti Rohingya ini datang ke negara Malaysia.
2. Mengenal pasti cabaran-cabaran pelarian etnik Rohingya yang ada di negara Malaysia.
3. Menganalisis usaha penyelesaian yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menampung kehadiran etnik minoriti Rohingya di Malaysia.

1.5 Sorotan Literatur

Bahagian ini, penulis akan menyoroti beberapa bahan-bahan atau karya-karya ilmiah yang berkaitan dengan isu minoriti Rohingya di Myanmar. Antaranya, sorotan tentang faktor mengapa golongan ini dianiaya dan dipandang berat sebelah oleh

kerajaan Myanmar, mengapa golongan ini terpaksa berhijrah ke negara-negara jiran yang berhampiran, kesan kepada negara penerima terhadap golongan minoriti Rohingya, dan usaha penyelesaian Malaysia untuk meredakan isu kemanusiaan ini. Ekoran daripada itu, berikut merupakan sorotan yang telah dijalankan oleh penulis:

Menurut Martin Smith (1991) dalam Zuriani et al (2020) menyatakan bahawa penubuhan *common enemy* di Myanmar menjadikan etnik Muslim Rohingya menjadi sasaran etnik Burma. Secara langsung kerakyatan etnik minoriti Rohingya dilucutkan dan kerajaan sendiri tidak mengiktiraf golongan ini sebagai warganegara Myanmar melalui penubuhan akta *Emergency Immigration Act 1974*. Akta ini menjadikan golongan minoriti Rohingya dianggap sebagai pendatang Benggali di tanah air sendiri. Seterusnya, dengan adanya pelancaran Operasi Nagamin (*The King Dragon Operation*) oleh Jeneral Na win 1978 menjadikan kawasan perkampungan golongan Rohingya diserang secara mengejut oleh etnik Rakhine yang beragama Buddha dan tentera Myanmar. Selain itu, mereka ini juga membakar rumah-rumah, memusnahkan masjid-masjid serta melakukan kekejaman seperti membunuh dan merogol terhadap golongan minoriti Rohingya (Islam). Akibatnya, seramai lebih kurang 200,000 masyarakat Islam Rohingya terpaksa melarikan diri dan hidup diaspora ke negara-negara jiran yang lain.

Etnik Rohingya (Muslim) adalah berbeza daripada etnik yang lain di Myanmar dan etnik ini juga merupakan satu bangsa yang tidak diiktiraf sebagai warganegara di negara itu (Zuriani et al, 2020). Menurut Zarni dan Cowley (2014) dalam Zuriani et al (2020) etnik Rohingya ini adalah pembentukan moden, yang mana ianya terdiri daripada Chittagonian Bengali. Pembentukan ini menyalahi undang-undang yang datang sebagai produk sampingan selepas pemerintahan kolonial British. Menurut Perlembagaan Myanmar pula, hanya keturunan Bengali dan anak mereka yang masuk dan tinggal di Myanmar sebelum kemerdekaan yang akan diberikan oleh Britain pada 1948 sahaja dianggap warganegara Myanmar. Sebaliknya, bagi warga Bengali yang tinggal di Myanmar selepas kemerdekaan secara langsung dan rasminya dianggap sebagai pendatang asing dan mereka ini mengancam keselamatan negara tersebut. Lagipun, kerajaan di negara itu tidak mengiktiraf etnik ini disebabkan keahlian mereka di tempat itu tidak mempunyai dokumen seperti kad pengenalan diri sehingga golongan ini dianggap pendatang tanpa izin (Azharudin dan Azlinariah, 2012).

Selain itu, penghapusan etnik Rohingya di Myanmar menunjukkan masyarakat dan kerajaan Myanmar di negara itu melakukan penafian hak bagi golongan ini. Hal ini dapat dilihat bahawa penduduk Myanmar sendiri tidak mengakui dan mengiktiraf kedudukan etnik Rohingya di negara mereka. Bahkan ahli-ahli sejarawan Burma menyatakan bahawa suku etnik ini tidak wujud dalam sejarah Burma. Di samping itu, ahli-ahli sejarawan Burma juga telah berperanan dalam memadamkan sejarah sebenar kedatangan etnik Rohingya di negara Myanmar pada kurun ke-19. Mereka menyatakan bahawa etnik ini hanya wujud di muka bumi Myanmar setelah 1950 dan tidak wujud sebelumnya. *State Law and Order Restoration Council* (SLORC) menyisihkan orang-orang Rohingya kerana secara majoritinya golongan Rohingya adalah beragama Islam dan ketika itu pegangan agama Buddha di Burma (Myanmar) sangat kuat. Susulan daripada peristiwa ini dapat dinyatakan bahawa hal ini yang menyebabkan berlakunya diskriminasi terhadap etnik Rohingya yang beragama Islam di Burma Zuriani et al (2020).

Diskriminasi agama yang dilakukan oleh penganut agama Buddha di negara Myanmar itu sendiri, menjadi faktor utama etnik Rohingya ini untuk mendapatkan perlindungan di negara Islam yang lain. Menurut Moshe Yegar (1978) dalam Zuriani et al (2020) diskriminasi yang berlaku dapat dilihat apabila adanya larangan mendirikan solat berjemaah di tempat umum termasuk menyambut hari kebesaran dalam Islam seperti bulan Ramadan, Hari Raya Aidilfitri dan Maulidur Rasul serta masjid-masjid di Myanmar tidak pernah diambil perhatian mahupun diperbaiki kerana kerajaan pusat sentiasa didominasi kelompok Burma. Penghapusan etnik dan diskriminasi kaum ini seolah-olah mendapat 'restu' dari sebuah kerajaan yang diiktiraf masyarakat antarabangsa. Kekejaman seperti pembunuhan kejam, mayat bergelimpangan, hilang rasa kasihan dan penafian hak mereka untuk hidup menjadikan etnik Rohingya ini berada dalam ketakutan. Selain itu, sebahagian dari mereka yang tinggal di dalam kem pelarian (*Internally Displaced Persons Camp*) IDP di Arakan juga tidak mendapat sebarang makanan dan minuman yang secukupnya, bahkan persekitaran di tempat itu tidak mempunyai sumber air bersih yang mencukupi (Azizi Ayob, 2016).

Lantaran daripada kemasukan golongan Rohingya ini, telah menyemarakkan lagi aktiviti bagi agen dan penyeludupan manusia dari dalam dan luar negara di Malaysia. Hal ini dapat dilihat bahawa penghijrahan pelarian asing sering dieksploitasi seterusnya menjadi mangsa pemerdagangan manusia yang menyebabkan mereka

menderita mahupun terkorban seperti tragedi di Wang Kelian dan Padang Besar, Perlis. Selain itu, kuburan-kuburan lama yang ditemui dan diyakini menunjukkan masih terdapat ratusan mayat yang tertanam iaitu mangsa sindiket pemerdagangan manusia. Malaysia dan Indonesia adalah negara destinasi pelarian Rohingya kerana negara-negara ini mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Hal ini memberikan keyakinan dan kepercayaan untuk mendapatkan perlindungan kerana pelarian ini juga beragama Islam dan mempunyai ciri-ciri budaya yang sama. Malaysia secara realitinya telah menerima kemasukan awal Rohingya sejak tahun 1970 dan mereka ini telah mengembangkan keluarga dan pengamalan budaya yang sama dengan masyarakat tempatan Malaysia. Tekanan tanggungjawab sosial dan misi kemanusiaan terpaksa memikul tanggungjawab yang amat berat dalam menerima pelarian Rohingya yang mana hal ini menjadi masalah kepada negara pada jangka masa yang panjang. Di samping itu, masalah sosial yang perlu difikirkan dan ditangani oleh kerajaan seperti penyediaan pendidikan, kelahiran, kematian, kebajikan, penempatan semula yang terhad, jenayah setempat, dan tiadanya bantuan dan kerjasama dari kerajaan Myanmar (Intan Suria Hamzah et al, 2016).

Golongan ini juga terlibat dalam jenayah, penyeludupan dadah, ahli kongsi gelap, seludup manusia atau mempunyai elemen subversif. Tambahan lagi, kehadiran mereka telah meningkatkan kes statistik pemalsuan dokumen-dokumen perjalanan negara seperti passport, Permohonan Lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), *Identity Card* (IC), surat kelahiran, kad UNHCR dan sijil perkahwinan. Dalam hal ini, cadangan dapat menyelesaikan isu Rohingya ini secara diplomatik dan strategik dengan kerjasama dari negara-negara ASEAN dan Myanmar dalam melindungi semua yang orang yang tinggal di wilayah Rakhine, membuat siasatan bebas tentang pencabulan hak asasi manusia dan membawa penjenayah ke muka pengadilan termasuklah perbicaraan mereka di mahkamah yang bebas dan saksama undang-undang, permit monitor bagi pihak antarabangsa yang berpangkalan di Myanmar (wakil-wakil pasukan negara PBB, OIC, dan para diplomat Yangon serta media) untuk menilai situasi dan melakukan syor tindakan lanjutan, pindaan undang-undang 1982 (Kewarganegaraan) untuk menjamin hak golongan Rohingya sebagai warganegara di tempat itu dan berhak mengundi, dan memastikan kebebasan pergerakan, pekerjaan, hak untuk berkahwin dan hak untuk menubuhkan keluarga yang kini tidak diberikan kepada golongan Rohingya. Seterusnya, pihak berkuasa tempatan dan tentera polis di negara itu dapat menghentikan kekejaman

yang keji seperti rampasan harta dan menjadikan golongan ini menjadi buruh paksa (Intan Suria Hamzah et al, 2016).

Kebanyakan pelarian Rohingya yang berada di Malaysia tinggal di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang dan ada juga komuniti berhubung dengan mereka di Johor, Kedah dan Terengganu. Apa yang Malaysia dapat lakukan dengan golongan ini adalah dengan memberikan kad pengenalan IMM13 kepada Rohingya yang akan memudahkan golongan ini memperoleh pekerjaan secara sah dan dapat menyediakan akses pendidikan untuk anak-anak mereka. Malaysia sendiri belum meratifikasikan *UN Convention Relating to the Status of Refugees 1951* dan Protokol 1967 serta tidak mempunyai kerangka perundangan dan pentadbiran untuk melindungi golongan pelarian ini (Aliran, 2007 dalam Ramli, Wan dan Rizal, 2019). *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR), meneruskan pendaftaran bagi golongan ini pada tahun 2009 sehingga ke hari ini, iaitu lebih 19 ribu mendaftar dan 2011 kira-kira 1000 hingga 2000 ribu yang perlu didaftarkan. Namun, pengiktirafan daripada UNHCR sahaja tidak memberi jaminan yang kukuh terhadap perlindungan hak yang sepatutnya dimiliki oleh Rohingya dan pelarian lain di Malaysia (Ramli, Wan dan Rizal, 2019).

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melawat negara Myanmar secara rasmi pada Februari 1988, bertujuan untuk mengambil inisiatif memujuk junta ketenteraan untuk memulakan dialog dengan *National League for Democracy* (NLD) pimpinan Aung San Suu Kyi dan seterusnya dengan terlaksananya lawatan ini dengan pemimpin Myanmar, negara ini dapat memperbaiki pelanggaran rekod hak asasi manusia yang berlangsung di negara itu (Sidhu, 2008 dalam Ramli, Wan dan Rizal, 2019). Malaysia mula memperjuangkan kemasukan Myanmar dalam ASEAN walaupun terdapat halangan daripada beberapa buah negara anggota ASEAN yang lain dan komuniti antarabangsa. Tun Dr. Mahathir menekankan bahawa Malaysia dan ASEAN perlu mengambil pendekatan yang dapat membina hubungan terhadap Myanmar, dengan tidak memaksa kerajaan Myanmar sebaliknya cuba berbincang dan berdialog dan akhirnya harapan dengan adanya perubahan yang dilakukan oleh kerajaan Myanmar. Tambahan pula, Malaysia mempunyai pendekatan untuk tidak campur tangan apabila berhadapan dengan rekod hak asasi manusia Myanmar yang amat teruk walaupun negara Malaysia menjadi bahan kritikan komuniti antarabangsa (AFP, 1 Mei 1997 dalam Ramli, Wan dan Rizal, 2019).

Menurut Ramli, Wan dan Rizal (2019) terdapat juga usaha negara Malaysia untuk memperjuangkan nasib Rohingya melalui *Organization of Islamic Conference* (OIC). Malangnya, usaha ini tidak memberikan perubahan yang maksimum terhadap nasib yang dimiliki oleh golongan Rohingya ini sehingga kini. Malah, permasalahan ini masih berterusan di negara Myanmar.

1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, penulis lebih menekankan bagaimana peristiwa dan masa isu Rohingya ini mewarnai negara Myanmar dan negara penerima terhadap diaspora golongan ini dari zaman pemerintahan Jeneral Tentera U Ne Win dari tahun 1961 hingga tahun 1981, yang mana etnik minoriti Rohingya ini menerima penganiayaan sistematik daripada masyarakat dan kerajaan Myanmar sendiri. Di samping itu, kajian ini juga melihat sejauh manakah reaksi negara Malaysia berdepan dengan lambakan pelarian Rohingya ini dalam negara yang sering kali memberikan tekanan kepada negara atas tindakan negatif mereka. Hal ini dapat dikemukakan bahawa negara penerima lebih menerima impak negatif berbanding impak positifnya kepada negara. Tambahan lagi, menelusuri kajian ini disebabkan negara Malaysia antara negara Islam yang paling lantang dalam menyuarakan isu ini di tahap global maka, penulis juga melihat dan mengenal pasti sumbangan usaha yang ditabur oleh kerajaan Malaysia dalam menyelesaikan isu Rohingya ini sama ada usaha negara Malaysia sendiri mahupun melalui institusi organisasi antarabangsa seperti ASEAN. Oleh itu, skop kajian di atas adalah menjadi fokus utama dalam menyelesaikan kajian ini sehingga objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya.

1.7 Teori dan Konsep

Bahagian ini, pengkaji menggunakan konsep *Human Rights* atau hak asasi manusia untuk merungkai isu dan langkah penyelesaian yang berlaku di Myanmar berkaitan dengan kaum minoriti Rohingya. Secara umumnya, dengan adanya konsep ini secara langsung dapat menjelaskan hak-hak manusia yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Selain itu, kualiti hidup seseorang atau kaum yang sering didiskriminasikan di kalangan masyarakat dapat menyuarakan suara hak mereka. Melalui konsep ini, masyarakat memperoleh pelbagai kebaikan dan ketenteraman secara ideal. Lagipun, hak asasi manusia adalah asas dan pemangkin kepada kelangsungan secara

menyeluruh manusia. Jelas bahawa minoriti Rohingya di Myanmar tidak mendapat sebarang hak-hak yang sepatutnya mereka dapat, bahkan masyarakat dan kerajaan sekali gus menganiaya kaum minoriti ini sehingga kini.

Sehubungan dengan itu, seperti yang kita ketahui melalui Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, menjelaskan konsep-konsep yang sewajarnya dimiliki oleh manusia tidak mengira latar belakang, warna kulit mahupun umur kerana pengisytiharan ini termaktub secara universal. Antaranya, hak kebebasan bersuara, beragama, berkumpul dan menubuhkan persatuan, kebebasan daripada penderaan dan kesaksamaan di bawah undang-undang berada dalam hak sivil dan berpolitik. Selain itu, hak mendapat pendidikan, pekerjaan, hak menikmati perkhidmatan, hak mendapat tempat tinggal serta persekitaran yang selamat dan banyak lagi. Di Myanmar, terdapat penyalahgunaan hak asasi manusia yang sistematik terhadap kaum minoriti Rohingya. Tamsilannya, rejim Ne Win melucutkan kewarganegaraan Rohingya dan menjadikan mereka warga asing (Abdur Razzaq dan Haque Mahfuzul dalam Ramli, Wan dan Rizal, 2019). Selain itu, mereka tidak diberikan Sijil Pendaftaran Negara seperti penduduk Myanmar tetapi diberikan satu sijil pendaftaran asing sehingga mereka diberikan sekatan ke atas pergerakan, rampasan tanah, pengusiran paksa dan kemusnahan rumah, pemerasan dan pengenaan cukai sewenangnyanya, sekatan perkahwinan, pekerjaan, penjagaan kesihatan dan pendidikan (Zawacki, 2013). Jika keadaan ini berterusan negara penerima kaum minoriti ini akan mendapat kesan lambakan dalam negara jika tiada langkah penyelesaian yang kukuh dari pelbagai pihak.

1.8 Metodologi Kajian

Data Sekunder

Data sekunder merupakan kaedah yang digunakan untuk menjayakan kajian ini. Sumber buku, jurnal artikel, tesis, laporan dan mana-mana sumber yang sah yang mana ianya boleh dipercayai kesahihannya. Oleh itu, segala bentuk data kualitatif yang akan menjurus kepada isu, kesan dan langkah penyelesaian penganiayaan kaum minoriti Rohingya di Myanmar dikemukakan sesuai dengan skop kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Di samping itu, pengkaji turut menggunakan sumber internet untuk merujuk akhbar-akhbar yang berkaitan dengan isu kajian pengkaji serta rujukan internet ini juga digunakan sebagai kaedah untuk mengembangkan lagi

cabang minda pengkaji dalam mengolah ayat-ayat gramatis dan dapat menghujah persoalan-persoalan kajian yang ingin dijayakan oleh pengkaji. Pengkaji sangat menitikberatkan kesahihan fakta dalam menghujah sesuatu fakta. Jadi, penggunaan data sekunder yang pelbagai dari sumber rujukan yang pelbagai akan memudahkan pengkaji untuk mengolah ayat demi ayat untuk menjayakan kajian ini. Data yang diperoleh juga akan di kumpul, dianalisis dan diteliti agar memperoleh maklumat yang lebih luas dan padat dan semestinya tidak mengambil maklumat yang tidak relevan dalam penulisan pengkaji.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilangsungkan untuk mengetahui lebih mendalam lagi isu yang berlaku di negara Myanmar berkaitan dengan kaum minoriti Rohingya yang teruk ditindas secara sistematik oleh masyarakat dan kerajaan di negara itu. Secara lazimnya, tindakan yang dilangsungkan oleh kerajaan Myanmar terhadap kaum minoriti ini seolah-olah tidak melihat kesannya kepada kaum ini dan seterusnya kepada negara lain yang mana kaum Rohingya yang ditindas mendiasporakan diri mereka ke negara yang berhampiran untuk mendapatkan kehidupan yang selamat bagi mereka.

Malaysia merupakan antara negara penerima kaum ini dan turut terlibat dalam menyuarkan nasib kaum Rohingya ini di peringkat global. Oleh itu, kajian ini berupaya untuk menghurai tindakan alternatif yang dilangsungkan oleh negara Malaysia untuk menyelesaikan masalah ini daripada terus berlanjutan. Walaupun, isu Rohingya ini sampai kini tidak menemui jalan keluar yang seutuhnya, pengkaji melihat banyak tindakan susulan yang giat dilangsungkan oleh global untuk menangani isu yang dihadapi oleh kaum Rohingya ini.

Selain itu, melihat kepada isu ini ingin melihat sejauh manakah ianya memberikan kesan kepada kaum minoriti Rohingya termasuklah kepada negara tersebut dan tentunya ingin mengkaji kesan yang mendalam kepada negara penerima yang dibanjiri oleh orang Rohingya ini. Tegasnya, kesan yang diterima oleh kaum minoriti Rohingya dan negara penerima lebih kepada menerima kesan negatif daripada kesan positifnya. Jadi, jika tiada langkah yang baik untuk menangani isu ini penderitaan yang dihadapi oleh Rohingya ini akan berkekalan dan akan terus membanjiri negara lain.

Sehubungan dengan itu, memandangkan isu ini kerap terpapar di seantero dunia, pengkaji juga melihat langkah terkini yang dilangsungkan oleh global untuk